

Kawal harga rumah

■ *Golongan muda hadapi kesukaran miliki kediaman sendiri*



Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perbanyakkan projek perumahan mampu milik dan kurangkan harga kediaman mengikut kemampuan rakyat supaya lebih ramai berpeluang memiliki aset berkenaan.

Itu harapan orang ramai terutama golongan muda supaya kerajaan mempertimbangkan perkara itu dalam Bajet 2018.

Pekerja swasta, Koh Yun Teng, 26, berkata, dia yang menetap bersama ibu bapanya di bandar raya ini sedang berusaha mengumpul wang untuk membeli kediaman sendiri nanti.

"Saya baru bekerja kira-kira dua tahun selepas tamat belajar. Bagi saya harga rumah sekitar RM250,000 masih tidak mampu dibeli golongan seperti kami teru-



“**Bagi saya perlu banyakkkan lagi rumah mampu milik kerana kuota yang ada sekarang sangat terhad dan kelulusan juga ketat bukan semua orang boleh dapat**”

Koh

tama lepasan graduan.

"Biasanya untuk mempunyai kewangan stabil, kami perlukan tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun barulah ada wang untuk membeli kediaman sendiri dan lebih mudah mendapat kelulusan bank.

"Bagi saya perlu banyak-



“**Gaji RM6,000 sekalipun belum tentu cukup kerana kos sara hidup di bandar tinggi. Saya harap harga rumah dapat dikurangkan di bawah RM400,000**”

Leela

kan lagi rumah mampu milik kerana kuota yang ada sekarang sangat terhad dan kelulusan juga ketat bukan semua orang boleh dapat," katanya.

Bagi S Leela Devi, 30, pula kerajaan perlu menilai tahap kemampuan rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan bawah

RM6,000 masih belum mampu membeli kediaman.

"Gaji RM6,000 sekalipun belum tentu cukup kerana kos sara hidup di bandar tinggi.

"Saya harap harga rumah dapat dikurangkan di bawah RM400,000 untuk membolehkan lebih ramai masyarakat berpeluang mempunyai kediaman sendiri," katanya.

Sementara itu, Maria Razali, 32, pula berkata kerajaan perlu mengawal harga kediaman yang semakin hari semakin melambung.

"Memang kita sedar, binaan binaan juga banyak yang naik, tetapi janganlah membina rumah berharga terlalu tinggi daripada kemampuan pengguna.

"Saya ambil contoh jika harga rumah mencecah RM400,000, memang agak sukar bagi orang muda terutama lepasan graduan menyediakan wang pendahuluan 10 peratus sebanyak RM40,000 itu apatah lagi dengan beban kos sara hidup tinggi di bandar.

"Jadi, saya rasa memang perlu ada satu mekanisme mengawal keadaan ini dan perbanyakkan lagi rumah kos rendah," katanya.